

**BENGKEL PENULISAN**

**ANJURAN**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK,  
ITM SHAH ALAM PADA 3 - 6HB. JUN 1991**

## ATURCARA BENGKEL PENULISAN

**ISNIN, 3 JUN 1991**

|                    |   |                           |
|--------------------|---|---------------------------|
| 8.00 - 8.30 pagi   | Pendaftaran   |                           |
| 8.30 - 10.00 pagi  | Sistem Ejaan Rumi<br>Bahasa Malaysia &<br>Peristilahan            | Puan Maimunah Hj. Omar    |
| 10.00 - 10.15 pagi | Jamuan Teh  |                           |
| 10.00 - 11.45 pagi | Tatabahasa  | En. Ismail Abd. Rajab     |
| 11.45 - 12.45 tgh. | Penulisan Kertas<br>Cadangan                                      | Puan Maimunah Hj. Omar    |
| 12.45 - 2.00 ptg.  | Rehat   |                           |
| 2.00 - 4.00 ptg.   | Protokol, Ucapan,<br>Ceramah dan Taklimat<br>dan Aspek Kebahasaan | Tuan Hj. Rafa'i Hj. Harun |
| 4.00 - 4.15 ptg.   | Jamuan Teh  |                           |

**PENGERUSI : Puan Nor Aziah Haji Abdullah**

## **Ahli Jawatankuasa**

Datin Rugayah Abd. Rashid

Penasihat I

Puan Hajjah Laila Hassan

Penasihat II

Puan Nor Aziah Haji Abdullah

Pengerusi

Puan Hasnah Abdul Rahim

Setiausaha

Encik Shaifol Yazam Mat

Bendahari

Encik Mohd Zaihan Hussin

Perhubungan Awam/Seranta

Puan Paiza Idris

Penyediaan Makanan/Minuman

Cik Junaidah Kamaruddin

Pendaftaran dan Persediaan Tempat

Encik Jasmin Jaimon

Pengumpulan Bibliografi

## **Ahli Jawatankuasa Kecil**

Puan Fatimah Che Tawang

Puan Safiah Salleh

Encik Sharudin Abdul Latif

Encik Ismadhi Shamshuri

## PENGHARGAAN

1. Analisis Distributors Sdn. Bhd.
2. Asura Sdn. Bhd.
3. Bahagian Latihan dan Biasiswa ITM Shah Alam.
4. Bahagian Perhubungan Awam ITM Shah Alam.
5. Bahagian Pendaftar ITM Shah Alam.
6. Darul Fikir.
7. Individu-Individu.
8. Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat.
9. Kakitangan Perpustakaan Tun Abdul Razak.
10. Para Fasilitator
11. Pusat Bahasa ITM Shah Alam.
12. Pusat Sumber Pengajaran dan Pembelajaran.
13. Sistem Tenaga SRA.

# SISTEM EJAAN BARU RUMI BAHASA MELAYU DAN PERISTILAHAN

Oleh

MAIMUNAH HJ. OMAR

---

## 1.0 PENGENALAN

Dalam kertas kerja ini akan dicatatkan pedoman-pedoman pengejaan Bahasa Melayu Baku dan pedoman-pedoman pengejaan dalam peristilahan. Beberapa Siri Latihan dilampirkan bersama-sama untuk mengukuhkan lagi kefahaman peserta.

## 2.0 PEDOMAN EJAAN BARU (Rumi)

Antara aspek-aspek yang terkandung di dalam pedoman ejaan baru Rumi ialah:

- a. Pola keselarasan vokal
- b. Pola kekecualian keselarasan vokal
- c. Pengekalan gugus konsonan
- d. Pengekalan bentuk visual
- e. Penulisan 'di' dan 'ke' sebagai imbuhan dan kata depan
- f. Penulisan partikel, lah, kah, tah, pun
- g. Penulisan kata ulang
- h. Penulisan gabungan kata
- i. Penggunaan lambang koma enam (6) dan koma sembilan (9)
- j. Perimbunan
- k. Penulisan tanda sempang (-)
- l. Penulisan kata ganti ku, kau, mu dan nya.

### 2a. POLA KESELARASAN VOKAL

Dalam sistem ejaan baru (rumi) bahasa Malaysia terdapat 18 pola keselarasan vokal, iaitu: